

Kepada :

Pengerusi
Lembaga Pemegang Amanah Harta WADAH
Pusat Dakwah & Tarbiyah WADAH
d/a Pejabat Wadah Pencerdasan Umat Malaysia
No 23A-2-2A, Tingkat 2, Jalan Medan PB 2A,
Seksyen 9, Pusat Bandar Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

PUSAT DAKWAH & TARBİYAH WADAH KG
SG MERAB, SEPANG

TAWARAN WAKAF LANTAI

Tawaran Wakaf Lantai adalah salah satu sumber dan kaedah bagi mengumpul dana untuk menjayakan projek ini. Bangunan 5 tingkat ini mempunyai jumlah keluasan 14,250 kaki per segi. Ini bersamaan dengan 2,850 lot, setiap satu berukuran satu kaki persegi bagi setiap lantai.

Lembaga Pemegang Amanah Harta WADAH menawarkan kepada orang awam untuk membeli dan mewakafkan kembali bagi tujuan pembinaan bangunan pusat ini. Nilai wakaf lantai adalah RM150 bagi setiap kaki per segi.

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH HARTA WADAH

Pengerusi

Dr. Ab Halim b. Muhammad

Timbalan Pengerusi

Ab Halim b. Ismail

Setiausaha

Mohd Halimi b. Abdul Hamid

Bendahari

Mohd Yunus b. Aminuddin

Ahli-ahli

Prof. Dato' Dr. Hassan b. Basri

Ahmad b. Mustapha

Ab Khudus b. Mohd Naaim



WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA (WADAH)

PUSAT DAKWAH & TARBİYAH WADAH KG
SG MERAB, SEPANG

FUNGSI PUSAT

PEJABAT WADAH KAWASAN

Berperanan sebagai pusat pentadbiran, operasi, dan penyelarasan kegiatan WADAH kawasan Selangor Selatan yang meliputi Serdang, daerah Hulu Langat (termasuk Bandar Baru Bangi) dan sebahagian daerah Sepang.

PUSAT PENDIDIKAN LANJUTAN

Berperanan mengelolakan program pendidikan lanjutan kepada masyarakat setempat yang meliputi kuliah pengajian Islam, dakwah, kursus /seminar kekeluargaan, latihan kesukarelaan, dan lain-lain.

PUSAT PERKADERAN PARA DA'IE

Berperanan sebagai pusat bagi kegiatan melatih serta mendidik para pelajar menjadi tenaga pendakwah yang berilmu dan kompeten dalam menangani pelbagai isu kemasyarakatan.

KLINIK GUAMAN SYARIAH

Berperanan menyediakan khidmat nasihat perundangan syariah kepada masyarakat terutama berkaitan isu dan hal ehwal perundangan dan kekeluargaan Islam.

ASRAMA PELAJAR (LELAKI/PEREMPUAN)

Menjadi tempat penginapan bagi para pelajar yang kurang berkemampuan sepanjang mereka belajar di IPT sekitar. Para pelajar ini akan melalui proses pentarbiyahan sepanjang menginap di asrama ini.

PUSAT SUMBER

Menjadi pusat rujukan dan penyimpanan koleksi bahan-bahan ilmiah serta hasil kajian/penyelidikan, di samping menjadi 'pusat sehenti' bagi penyebaran/pengedaran bahan-bahan ilmiah.

'HOMESTAY'

Menyediakan kemudahan penginapan/istirehat bagi para tetamu jamaah dan orang awam dari dalam dan luar negeri. Ini akan memberi sumber pendapatan bagi operasi serta penyelenggaraan pusat ini.

KLINIK KESIHATAN (WAKAF)

Berperanan menyediakan khidmat kesihatan dan perubatan kepada masyarakat setempat.



WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA (WADAH)

PUSAT DAKWAH & TARBİYAH
WADAH KG SG MERAB, SEPANG



TAWARAN WAKAF LANTAI

"KAMU TIDAK AKAN MEMPEROLEH KEBAJIKAN, SEBELUM KAMU MENGINFAKKAN SEBAHAGIAN HARTA YANG KAMU CINTAI. DAN APUN YANG KAMU INFAKKAN, TENTANG HAL ITU, SUNGGUH ALLAH MAHA MENGETAHUI."

SURAH ÂL-IMRÂN, 92



WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA (WADAH)

